



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA
RM15,000.00 AGIHAN DANA CSR YAYASAN WAQAF MALAYSIA KEPADA
PERTUBUHAN ANAK YATIM DAN MISKIN

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan entiti wakaf peringkat Kebangsaan yang sentiasa komited dan proaktif dalam mengimarahkan ibadah wakaf serta pengagihan manfaat wakaf ke seluruh negara. Selain agihan dana wakaf, YWM turut cakna dan aktif dalam pengagihan manfaat melibatkan dana CSR yang lebih fleksibel penggunaannya.
2. Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia, YWM bersama rakan strategik iaitu Spectre MD Sdn. Bhd (Spectre) dan Koperasi Penguatkuasa PBT Berhad (KOPPBT) telah menganjurkan Majlis Iftar Rantainya Kasih untuk menyantuni anak-anak yatim dan miskin. Seramai 113 orang anak – anak yatim / miskin daripada 3 buah rumah kebajikan telah menghadiri majlis ini.
3. Menerusi majlis ini, **sejumlah RM15,000.00 Dana CSR Prihatin YWM telah diagihkan kepada rumah kebajikan dengan agihan sebanyak RM5,000.00 bagi setiap rumah kebajikan.** Rumah kebajikan yang terlibat adalah:
 - a) Lembaga Pengurusan Anak Yatim dan Miskin (PAYASUM), Melaka;
 - b) Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Darul Khusus (PEYAKIN), Negeri Sembilan; dan
 - c) Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Jasin, Melaka
4. Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBrs. Dr. Ridzwan Bakar telah menyerahkan cek cura sumbangan kepada setiap wakil rumah kebajikan dan turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR (merangkap Naib Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM).
5. Menerusi sumbangan ini, YWM berharap agar dapat meringankan sedikit beban rumah-rumah kebajikan dalam menghadapi bulan Ramadan. YWM amat berterima kasih kepada para penyumbang wakaf dan CSR YWM yang sentiasa konsisten dalam menyumbang.
6. Bagi tujuan penyertaan wakaf, orang ramai boleh mendaftar menerusi portal rasmi YWM iaitu www.ywm.gov.my/app. Setiap sumbangan wakaf yang diterima menerusi pelan perlindungan ini layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

- TAMAT -

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**